

SATU TINJAUAN TENTANG KESEDARAN HALAL TERHADAP MAHASISWA UiTM PASIR GUDANG, JOHOR

Noraishah P Othmanⁱ, Nur Najwa Hanani binti Abd Rahmanⁱⁱ, Mohammad Naqib bin Hamdanⁱⁱⁱ, Hussein 'Azeemi bin Abdullah Thaidi^{iv}

ⁱ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Pasir Gudang.
aishah3962@uitm.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. nurnajwahanani@utm.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. mohammadnaqib@utm.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
hussein@usim.edu.my

Abstrak

Halal dan haram adalah suatu isu yang penting dan perlu diberi penekanan dalam kehidupan setiap individu muslim. Ini kerana, ia memberi kesan kepada pembentukan akhlak dan peribadi individu bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman mahasiswa UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang tentang konsep halal dan juga tahap kesedaran kepentingan pemilihan produk halal. Pendekatan penilaian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai medium bagi mendapatkan data kajian. Soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan juga Fakulti Kejuruteraan Awam. Hasil kajian menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang konsep halal dan responden juga cakna akan kepentingan memilih produk yang halal dan toyyiban dalam pemilihan produk dan makanan.

Kata kunci: Kesedaran Halal, UiTM, Halal

PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang sempurna lagi menyempurnakan, merangkumi semua aspek dalam kehidupan manusia. Islam bukanlah agama yang membebankan atau menyusahkan umatnya, tetapi semua hukum dan garis panduan yang disyariatkan dalam Islam adalah untuk kebaikan dan memelihara darjat umat Islam itu sendiri. Allah SWT telah menetapkan dan menggariskan batasan-batasan atau had-had tertentu dalam menjamin kehidupan manusia. Batasan-batasan inilah yang dikenali sebagai halal, haram, harus, makruh dan mubah. Semua hukum-hukum ini adalah amat diperlukan dalam kehidupan manusia kerana dengan hukum-hukum inilah dapat menentukan seseorang itu rapat atau jauh dari sisi Allah SWT. Halal dalam al-Quran merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia.

Menurut Danial Zainal Abidin (2006), muslim yang mementingkan makanan serta rezeki yang halal adalah manusia yang bersinar hatinya. Hati yang bersinar adalah asas kecemerlangan kerana ia merangsang jasad bagi melaksanakan ibadah serta amal kebajikan. Pengambilan makanan yang halal dapat menjamin kesejahteraan hati nurani dan iman yang suci serta memberikan impak yang mendalam pada diri seorang muslim. Pernyataan ini bertepatan dengan kata-kata Imam al-Ghazali (1987) yang menyatakan bahawa makanan yang halal dapat menambah cahaya iman dan mengabulkan doa. Manakala makanan yang haram menggelapkan hati. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Seseorang lelaki menempuh perjalanan jauh, kusut rambutnya lagi berdebu, dia menadah kedua tangannya lalu berdoa, “Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku! sedang makananya haram, minumannya haram, dan bajunya dari yang haram, maka bagaimanakah mungkin doanya akan dikabulkan” (HR. Muslim).

Al-Quran menjelaskan tentang kepentingan memilih makanan yang halal dan toyyiban di dalam beberapa ayat, antaranya sepertimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.” (Surah al-Baqarah:168).

Di dalam ayat 114 Surah al-Nahl pula Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Oleh itu, makanlah (Wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata- mata.” (Surah al-Nahl: 114).

Industri halal di Malaysia berkembang pesat selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi. Pelbagai *café* atau kedai makan, produk makanan segera, produk dalam bungkusan dan tin diperkenalkan dan dijual di kedai-kedai, pasaraya dan atas talian. Malahan kedai makan yang menonjolkan konsep *hipster* mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia tidak kira tua atau muda. Perkembangan ini mendatangkannya keuntungan dan membantu dalam perkembangan ekonomi namun, apa yang membimbangkan adalah kepekaan dan kesedaran pengguna dalam memilih produk makanan yang selari dengan tuntutan syariat dan kehidupan.

Muslim bertanggungjawab dalam memperjelaskan kepada masyarakat bukan Islam tentang konsep sebenar halal dalam Islam, kerana ianya bukan berkait dengan pengharaman babi sahaja. Masyarakat Islam perlu menjaga kehalalan makanan kerana sumber makanan yang haram akan merosakan peribadi dan akhlak diri serta keturunan. Aspek kualiti di dalam Islam adalah sangat luas konsepnya bukan sekadar baik dan berkhasiat, tetapi perlulah memenuhi konsep halal dan suci (al-Qaradawi, 1998).

Di antara aspek yang sering dibincangkan dalam kalangan sarjana Islam adalah berkaitan dengan isu sembelihan, penggunaan bahan-bahan seperti gelatin, darah, arak dan lemak. Bahkan isu sembelihan dan penggunaan alatan sembelihan yang tidak tajam atau tempat sembelihan yang kotor (Aizat et. al, 2011). Justeru, pemilihan setiap yang halal terutamanya makanan adalah sangat penting untuk ditekankan dalam kehidupan setiap individu muslim. Maka, objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau tahap kefahaman tentang konsep halal dan juga tahap kesedaran kepentingan pemilihan produk halal dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang.

DEFINISI HALAL DAN HARAM

Halal bermaksud “dibenarkan” atau “tidak dilarang” pengambilannya dalam Islam (Panduan Persatuan Pengguna, 2006). Menurut al-Quran semua makanan yang baik atau bersih adalah halal. Sehubungan itu, hampir semua sumber makanan dari laut, tumbuhan dan binatang dianggap halal kecuali mana-mana yang telah diharamkan pengambilannya. Menurut Kamus Dewan, perkataan halal berasal daripada perkataan “halla”: iaitu sesuatu yang diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan dan lawan bagi haram (Azliza, 1998).

Manakala menurut kamus *Lisanul Arab*, terdapat beberapa definisi mengenai halal dan ini antaranya, *tahallul* bermakna telah keluar dari berihram atau dibolehkan berihram, halal juga bermaksud semua yang diharuskan oleh Allah SWT ataupun antonim bagi perkataan *haram* (Ibnu Manzur, 2003). Menurut Kamus Istilah Fiqh, halal bermaksud *al-mubah* (yang dibolehkan), iaitu sesuatu yang boleh dikerjakan atau dimakan. Dengan pengertian bahawa orang yang melakukannya tidak mendapat sangsi dari Allah SWT, istilah halal biasanya berhubung dengan masalah makanan atau minuman (Abdul Mujib, 1997).

Yusuf al-Qaradawi pula mendefinisikan halal ialah, perkara yang dibolehkan atau *mubah* yang telah gugur daripadanya ikatan atau simpulan bahaya dan syariat membenarkan perbuatannya. Jika dirujuk perkataan halal dalam ilmu *Usul al-Fiqh* ia dirujuk dalam pembahagian *taklifi* dibawah hukum harus. Hukum ini membawa kepada pemilihan sama ada untuk melaksanakan atau sebaliknya sesuatu arahan itu. Kata al-Amidi: “Ia adalah perbuatan yang ada dalil *sam’i* yang menunjukkan bahawa ada arahan

Allah SWT yang memberi pilihan antara melakukan atau tidak melakukan (Azliza, 1998). Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an surah Al-Ma'idah ayat 88 yang bermaksud:

“dan makanlah yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya” (Surah al-Maidah: 88).

Ayat di atas menjelaskan tentang tuntutan Allah SWT agar kita memakan makanan yang halal dan baik. Melalui ayat ini dapat difahami bahawa halal dan baik itu adalah suatu yang tidak boleh dipisahkan kerana halal itu mestilah sesuatu yang baik dari segi kesihatannya, kecantikannya, khasiatnya dan segala sudut kesannya kepada manusia. Konsep makanan halal seperti yang dinyatakan di dalam al-Qur'an adalah:

1. Bukan terdiri atau mengandungi bahan-bahan dari binatang yang dilarang Islam menurut hukum syarak untuk memakannya atau tidak disembelih menurut hukum syariah.
2. Tidak mengandungi bahan-bahan yang hukumnya najis menurut hukum syariah.
3. Tidak disediakan atau diproses menggunakan bahan-bahan atau peralatan yang tidak diperbuat dari najis menurut hukum syariah.
4. Dalam proses pembuatan, pengolahan dan penyimpanannya tidak bersentuhan atau berdekatan dengan bahan-bahan yang tidak memenuhi kriteria a, b dan c atau bahan-bahan yang hukumnya najis sesuai hukum syarak.

Manakala haram pula bermaksud, “tidak dibenarkan” atau “dilarang” pengambilannya dalam Islam (Panduan Persatuan Pengguna, 2006). Di dalam *Lisanul Arab*, *haram* diertikan sebagai antonim kepada perkataan *halal*, atau sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT, manakala jika merujuk kepada ayat 95, Surah al-Anbiya': “Dan mustahil kepada penduduk sesebuah negeri yang Kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali kepada Kami untuk menerima balasan di akhirat kelak”, haram bermakna wajib. Selain itu, haram juga diertikan sebagai nama bagi bulan seperti Muharam, Sya'ban dan lain-lain (Ibnu Manzur, 1993). Di dalam Kamus Istilah Fiqh, *haram* bermaksud sesuatu atau perkara-perkara yang dilarang oleh syara'. Berdosa jika mengerjakannya dan berpahala jika meninggalkannya, dan sebagai lawan bagi halal. Misalnya memakan bangkai binatang, memakan barang yang bukan miliknya atau hasil mencuri dan sebagainya (Abdul Mujib, 1997). Menurut al-'Amidi, *haram* ialah kedudukan yang berlawanan dengan wajib iaitu sesuatu perbuatan yang keji pada sisi syarak atau sifatnya satu perbuatan (Azliza, 1998). Majoriti fuqaha mengatakan *haram* ialah sesuatu yang keji oleh syarak, perbuatan sama ada dithabitkan oleh dalil yang *qat'i* ataupun *zanni*.

Menurut al-Qaradawi skop pengharaman dalam syariat Islam sangatlah sempit, sebaliknya, skop halal amatlah luas terbentang. Ini kerana, nas yang menyatakan tentang pengharaman sesuatu adalah terhad jumlahnya. Maka, selain sesuatu yang tidak ada nas yang mengharamkan atau menghalalkannya, ia kembali kepada hukum asalnya, boleh. Ia berada dalam wilayah kemaafan Tuhan (al-Qaradawi, 2007).


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang telah dijalankan terhadap mahasiswa Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang berkaitan isu halal. Kajian ini melibatkan 134 orang mahasiswa yang dipilih berdasarkan persampelan rawak daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia dan juga Fakulti Kejuruteraan Awam yang semuanya beragama Islam. Dalam kajian ini, soal selidik telah diedarkan dengan menggunakan *google form* kepada responden pada bulan Mei 2020.

Skala data yang telah digunakan di dalam kajian ini adalah skala likert 1 hingga 5 (1 mewakili sangat setuju dan 5 mewakili sangat tidak setuju). Tujuan penggunaan skala ini adalah bagi mengukur tahap kesedaran dan kefahaman mahasiswa terhadap 17 pernyataan tentang halal, logo halal dan keutamaan memilih produk dan makanan halal dalam kehidupan. Data dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dengan menyatakan deskripsi atau gambaran tentang sikap responden.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan jantina responden kajian ini. Responden kajian terdiri daripada 65 orang lelaki (48.5%) dan 69 orang perempuan (51.5%).



Jadual 1: Jantina responden

BIL	ITEM	SS	S	TP	TS	STS
1	Saya faham tentang konsep halal dan haram dalam Islam	87 64.9%	24 17.9%	7 5.2%	4 3%	12 9%
2	Produk yang halal dihasilkan daripada bahan yang bersih, suci dan berkualiti	100 74.6%	15 11.2%	1 0.7%	8 6%	10 7.5%
3	Produk yang dikeluarkan oleh pengusaha Muslim diyakini halal	54 40.3%	35 26.1%	21 15.7%	19 14.2	5 3.7%
4	Hukum penggunaan produk/ makanan halal adalah wajib	104 77.6%	12 9%	3 2.2%	3 2.2%	12 9%
5	Konsep halal dan haram dalam Islam adalah tentang babi dan arak sahaja	13 9.7%	4 3%	13 9.7%	30 22.4%	74 55.2%
6	Konsep halal dan haram dalam Islam adalah tentang makanan sahaja	12 9%	6 4.5%	6 4.5%	24 17.9%	86 64.2%

Jadual 2: kefahaman responden tentang konsep halal

Merujuk jadual 2 di atas, menunjukkan tahap kefahaman responden tentang konsep halal di dalam Islam. Item 1 memaparkan bahawa 64.9% responden sangat faham tentang konsep halal dan haram dalam Islam. Kenyataan ini disokong lagi dengan dapatan 74.6% responden jelas akan konsep halal dan toyyiban yang ditekankan oleh Islam. Item 3 menunjukkan bahawa 40.3% responden sangat setuju bahawa produk yang dikeluarkan pengusaha muslim diyakini halal, 26.1% setuju, 15.7% tidak pasti, 14.2 tidak setuju dan 3.7% sangat tidak setuju. Manakala, 77.6% responden sangat setuju bahawa hukum penggunaan produk atau makanan halal adalah wajib. Bagi item konsep halal dan haram dalam Islam adalah tentang babi dan arak sahaja menunjukkan bahawa 55.2% responden sangat tidak setuju dengan pernyataan ini, 22.4% pula tidak setuju. Terakhir sekali bagi bahagian ini menunjukkan responden sebanyak 64.2% sangat tidak setuju bahawa konsep halal dan haram dalam Islam adalah tentang makanan sahaja.

BIL	ITEM	SS	S	TP	TS	STS
1	Jika terdapat keraguan terhadap sesuatu produk saya terus mendapatkan maklumatnya di internet	57 42.5%	34 25.4%	27 20.1%	4 3%	12 9%
2	Saya selalu meneliti tentang bahan yang digunakan dalam penghasilan sesuatu produk	39 29.1%	42 31.3%	38 28.4%	6 4.5%	9 6.7%
3	Penggunaan sesuatu produk halal adalah pilihan masing-masing	31 23.1%	29 21.6%	32 23.9%	22 16.4%	20 14.9%
4	Saya sangat mengambil berat tentang kehalalan sesuatu produk	80 59.7%	25 18.7%	14 10.4%	2 1.5%	13 9.7%
5	Jika saya berasa ragu tentang kehalalan sesuatu produk, saya cenderung meninggalkannya	61 45.5%	38 28.4%	18 13.4%	4 3%	13 9.7%
6	Produk yang tidak mengandungi unsur haiwan ataupun arak adalah dijamin halal	19 14.2%	23 17.2%	44 32.8%	20 14.9%	28 20.9%

Jadual 3: Kesedaran kepentingan pemilihan produk halal

Jadual 3 di atas pula menjelaskan tentang kesedaran kepentingan pemilihan produk halal dalam kalangan responden. Item 1 dan 2 menunjukkan bahawa majoriti responden sangat setuju dan bersetuju akan isi kandungan sesebuah produk dan segera mendapatkan informasi berkaitan di internet jika terdapat sebarang keraguan. Manakala, bagi item ke 3, 23.1% sangat setuju bahawa penggunaan sesuatu produk halal adalah pilihan masing-masing, 21.6% setuju, 23.9% tidak pasti, 16.4% tidak setuju dan 14.9% sangat tidak bersetuju. Seramai 59.7% responden sangat bersetuju bahawa mereka mengambil berat tentang kehalalan sesuatu produk. Namun, terdapat juga 9.7% responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Bagi pernyataan ke 5, Jika saya berasa ragu tentang kehalalan sesuatu produk, saya cenderung meninggalkannya menunjukkan bahawa 45.5% responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Bagi pernyataan ke 6 “Produk yang tidak mengandungi unsur haiwan ataupun arak adalah

dijamin halal” menunjukkan bahawa 32.8% responden tidak pasti dengan pernyataan ini.

BIL	ITEM	SS	S	TP	TS	STS
1	Logo halal yang sah hanya dikeluarkan daripada pihak JAKIM sahaja	79 59%	29 21.6%	10 7.5%	5 3.7%	11 8.2%
2	Saya hanya membeli produk/ makanan yang mempunyai cop halal JAKIM	71 53%	35 25.4%	13 9.7%	4 3%	12 9%
3	Saya hanya akan makan di restoran yang mempunyai sijil Halal JAKIM sahaja	73 54.5%	30 22.4%	14 10.4%	5 3.7%	12 9%
4	Adalah penting bagi semua pengusaha makanan mempamerkan sijil Halal	108 80.6%	8 6%	1 0.7%	3 2.2%	14 10.4%
5	Saya tidak makan di restoran non-muslim	78 58.2%	24 17.9%	14 10.4%	4 3%	14 10.4%

Jadual 4: Penggunaan logo halal JAKIM

Seterusnya, merujuk kepada Jadual 4 bagi pernyataan berkaitan dengan logo halal menunjukkan majoriti responden sangat bersetuju dengan kesahan logo halal JAKIM iaitu sebanyak 59%, 53% responden sangat setuju bahawa mereka hanya membeli produk yang mengandungi logo halal JAKIM dan 54.5% responden sangat bersetuju bahawa mereka hanya akan makan di restoran yang mempunyai sijil halal JAKIM sahaja. Manakala, 80.6% responden sangat bersetuju bahawa penting bagi semua pengusaha mempamerkan sijil halal. Item terakhir menunjukkan hanya 10.4% responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan “saya tidak makan di restoran non-muslim”.

Secara keseluruhannya di dapati bahawa, majoriti responden adalah peka akan konsep halal dalam Islam dan mereka tahu bahawa konsep halal dan haram bukan berkaitan dengan pengharaman babi dan arak sahaja bahkan adalah lebih luas daripada itu. Responden juga menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan meneliti isi kandungan sesuatu produk sebelum membelinya. Selain itu, majoriti responden juga sangat mementingkan logo halal terutama logo halal JAKIM dalam pemilihan produk, makanan dan restoran yang diyakini selamat dan terjamin

kehalalannya. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir responden yang tidak begitu mengambil kira semua perkara ini dan selesai dengan cara yang lebih terbuka dan berlapang dada. Justeru, semua pihak perlu berkejasama bagi memperkasakan lagi kesedaran dan Pendidikan halal dalam kalangan semua pihak agar menjadi keutamaan dalam kehidupan setiap individu muslim.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara keseluruhannya data menunjukkan bahawa majoriti responden sangat faham tentang konsep halal dalam Islam dan majoriti responden sangat bersetuju dengan kepentingan logo halal JAKIM. Namun, masih terdapat segelintir responden yang tidak bersetuju dan kurang pasti dengan kepentingan dan kefahaman berkaitan konsep halal dalam Islam. Namun, kajian ini adalah suatu kajian bersifat tinjauan yang terlalu umum dan fokus kepada sebahagian mahasiswa UiTM Kampus Pasir Gudang sahaja. Pengkaji mencadangkan, kajian lanjutan dijalankan dengan lebih terperinci dan skop yang lebih luas lagi.

Dalam era kemajuan dan globalisasi masa kini yang mana manusia telah mampu mempelbagaikan bahan makanan mentah, mengeluarkan pelbagai produk makanan segera, mencipta pelbagai resepi baru dan menu yang lazat, umat Islam sebenarnya telah disogokkan dengan banyak unsur-unsur dan perkara syubhat dalam menentukan kehalalan makanan tersebut. Oleh yang demikian adalah menjadi satu kewajipan bagi kita selaku umat Islam dalam memastikan kehalalan setiap makanan yang kita nikmati. Segala peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa hendaklah dipatuhi bagi mengelakkan keraguan dan syubhat dalam memilih makanan yang halal. Justeru, semua pihak perlu berkejasama dalam memberi pendedahan dan menambahbaik kefahaman dan pengetahuan tentang ilmu halal dan haram dalam Islam. Agar masyarakat Berjaya kehidupannya di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- M. Abdul Mujib Mabruri Tholhah Syafiah Am. 1997. Kamus Istilah Fiqh. Selangor: Advance Publication
- Azliza Muhammad. 1998. Konsep Halal dan Haram dalam Makanan: Kajian Khusus Terhadap Peranan Jakim. University Malaya
- Danial Zainal Abidin. 2006. 7 Formula Individu Cemerlang. PTS
- Al-Ghazali, Abu Hamid b. Muhammad. 1987. *Al-Halal wa al-Haram*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Imam Ibnu Manzur. 2003. *Lisanul Arab*. Darul Hadis Kaherah.

- Anon. 2006. Panduan Persatuan Pengguna. Makanan Halal Sumber Pembentukan Syakhsiah Mulia. Pusat Dakwah Islamiah. Brunei.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli & Suhaimi Ab. Rahman. 2011. Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Isu-Isu Makanan Semasa. Researchgate.
- Mohamad Syafiqe Abdul Rahim, Majalah Cahaya: <http://www.halal.gov.my/>
- Nor Suzaman bin Abdul Rahman. Mei 24, 2014. DNA Babi dikesan Dalam Dua Jenis Coklat Susu Cadbury Dairy Milk. Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dna-babi-dikesan-dalam-dua-jenis-coklat-susu-cadbury-dairy-milk-36449>
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Surtahman Kastin. 2012. PKS di Persada Dunia Melalui Tanda Halal: Kes Gelagat Pengguna. Researchgate.
- Yusuf al-Qarahawi. Terj: Abu Ezzat Al-Mubarak. 2007. Halal Dan Haram Menurut Prespektif Islam. Perniagaan Jahabersa.